

Dr. Noordin KP baharu Angkasa

TIMBALAN Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (Angkasa) Dr Noordin Ahmad, telah dilantik sebagai ketua pengarah agensi terbabit berkuat kuasa 12 Februari lalu.

Beliau menggantikan Dr Mustafa Din Subari yang telah tamat perkhidmatan pada 13 September tahun lalu.

Selaras dengan pelantikan tersebut, beliau berazam meletakkan bidang sains angkasa dalam arus perdana negara menjelang 2020.

“Saya juga berazam meningkatkan kefahaman rakyat mengenai kepentingan bidang angkasa dalam usaha menjadi negara maju,” katanya.

Noordin, 52, yang berkelulusan ijazah bidang Geomatik (Ukur tanah) dari Universiti Melbourne, Australia pada 1984 ijazah kedoktoran bidang satelit sistem penentu kedudukan global (GPS) dari Universiti Newcastle, United Kingdom juga merupakan Profesor Ajung Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan ahli Persatuan Remote Sensing Malaysia.

Beliau menerima beberapa anugerah penyelidikan dan mempunyai pengalaman selama 26 tahun dalam

bidang pemetaan Sistem Maklumat Geografi (GIS), pemetaan dan Sistem Satelit Navigasi Global (GNSS).

Noordin juga terlibat dalam kira-kira 70 projek berkaitan ketiga-tiga bidang terbabit dan dilantik sebagai perunding dengan beberapa agensi kerajaan berkaitan.

Beliau merupakan ketua pengarah yang ketiga menerajui Angkasa sejak ditubuhkan pada 2004 yang sebelum itu disandang oleh Datuk Dr Mazlan Othman dan Dr Mustafa.



NOORDIN AHMAD

anugerah Ahli Mangku Negara pada 2004.

Dalam perkembangan lain, Angkasa mengumumkan tiga cadangan penyelidikan telah terpilih untuk dijalankan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) oleh Angkasawan Agensi Angkasa Jepun (JAXA), Koichi Wakata pada bulan ini.

Menurut Angkasa, dua cadangan tersebut adalah dari Malaysia iaitu *Growing Bubble in a Glass of Water* oleh Favien Bouhier dan *Bernoulli's Principle* daripada Sabrina Mohammad Salam dan Zakiar Mohammad Salim.

“Sebuah lagi idea dan cadangan yang akan turut dilaksanakan adalah *Capillarity Under Zero-Gravity* daripada penyertaan Australia,” kata agensi tersebut.

Angkasa yang merupakan agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menganjurkan Pertandingan Program *Asian Version of Try Zero G in Space* (Try Zero G) buat kali ke-tiga pada tahun lepas.

Pertandingan tersebut merupakan suatu inisiatif oleh Forum Agensi Angkasa Rantau Asia-Pasifik (APRSAF) dalam bidang pendidikan yang dijalankan di ISS.

Pertandingan tersebut dianjurkan bagi menggalakkan orang ramai untuk menceburi bidang sains dan teknologi angkasa secara tidak langsung dengan menyumbangkan idea atau cadangan aktiviti yang dilaksanakan dalam keadaan graviti sifar.

Pada tahun 2013, sebanyak 45 idea atau cadangan uji kaji dalam pelbagai fenomena sains mikrograviti telah dikemukakan kepada JAXA dari lima buah negara termasuk Malaysia.

Idea dan cadangan uji kaji ini telah dinilai kebolehlaksanaannya terlebih dahulu dari aspek teknikal oleh pakar-pakar JAXA diikuti oleh penilaian pendidikan oleh jawatankuasa pemilihan yang terdiri daripada ahli-ahli sains serta wakil-wakil ahli agensi anggota Kibo-ABC.

Bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan program ini, Angkasa telah menganugerahkan Sijil Penghargaan dan sebuah teleskop 76mm Altazimuth Reflector kepada setiap idea atau cadangan dari Malaysia yang terpilih oleh pihak JAXA.

Aktiviti-aktiviti ujikaji ini akan dirakam oleh Koichi Wakata dan seterusnya akan diedar kepada semua negara-negara anggota APRSAF.